

14 APR 2003
Sukan-Permotoran (JapanGT)
JAPAN GT KEMBALI KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Setelah dibatalkan akibat wabak Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk (SARS) tahun lepas, Kejohanan Japan GT Malaysia kini kembali dan sedia untuk memberi impak yang lebih besar daripada edisi sebelumnya.

Kejohanan Malaysia, Pusingan 3 Kejohanan Japan GT 2004 akan berlangsung pada 18 dan 19 Jun di Litar Formula One (FI) di Sepang. Musim 2004 membuka tirainya di Litar TT, Aida pada 4 April.

"Peminat bakal menyaksikan kemeriahan dalam dan luar trek pada Kejohanan Japan GT 2004 dan pastinya merupakan acara yang ditunggu-tunggu peminat," kata Pengerusi SIC Datuk Mokhzani Tun Mahathir pada pelancaran rasmi Kejohanan Japan GT Malaysia di sini malam ini.

Majlis itu dirasmikan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Mohamad Shaid Mohamed Taufek dan dihadiri para pegawai kanan Persatuan GT Jepun dan wakil Kedutaan Jepun di Malaysia.

Sepang merupakan venue antarabangsa pertama bagi Japan GT yang juga akan menjadi tuan rumah pameran acara di Shanghai, China dan California Speedway di Amerika Syarikat tahun ini.

Mokhzani berkata acara yang berlangsung pada Jumaat dan Sabtu itu dengan perlumbaan Supercar dan Supersixteen dalam Siri Super Malaysia dan Kejohanan Kereta Klasik Antarabangsa.

"Dengan keseluruhan acara berakhir pada malam minggu, peminat dari Perlis, Terengganu, Johor, terutama Singapura boleh datang ke Sepang untuk menyaksikan kemeriahan Japan GT," kata Mokhzani.

Kejohanan itu dibahagikan kepada dua kelas perlumbaan - GT500 dan GT300 -- dengan dua pelumba bagi satu pasukan. Kenderaan yang mengambil bahagian boleh diubah suai tetapi ianya terhad.

Peminat akan menyaksikan 46 kereta daripada 20 jenis berbeza, keluaran 15 syarikat pengeluar.

Para peminat juga berpeluang menyaksikan himpunan pemandu kereta

sport
terbaik dunia termasuk bekas pemandu Formula One, Formula Nippon, Le
Mans
dan acara antarabangsa berprestij lain selain kehadiran ratu-ratu
GT.

Peminat yang ingin menyaksikan perlumbaan itu dikenakan bayaran
tiket
RM30 tetapi jika membeli sebelum 31 Mei, mereka akan diberikan
diskaun 10
peratus.

Tiket-tiket boleh dibeli dengan menghubungi tiket hotline di
03-85262222 atau melalui internet di www.malaysiangp.com.my.

-- BERNAMA

FA RV LAT